

# Tiada bidang kuasa khusus perkukuh kedudukan Melayu

Oleh ABDUL MUIN SAPIDIN

**BUTTERWORTH** 11Sept. - Timbalan ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Seri Abdul Rashid Abdullah mengakui tidak mempunyai bidang kuasa khusus dalam pentadbiran kerajaan negeri bagi membolehkan beliau memutuskan sebarang ketetapan bagi memperkukuhkan kedudukan orang Melayu di negeri ini.

Katanya, sejak menyandang jawatan itu pada 2004, beliau hanya diberi tanggungjawab memegang tugas-tugas pentadbiran termasuk menjadi Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Hal Ehwal Pembangunan Tanah serta Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi.

Dalam hubungan ini, katanya, walaupun memegang jawatan nombor dua dalam jentera pentadbiran kerajaan negeri, beliau hanya menjalankan tugas alas bidang kuasa yang terhad dalam hal-hal berkaitan portfolio berkenaan sahaja.

"Kalau ditanya apa tanggungjawab saya (sebagai Timbalan Ketua Menteri), saya juga

seperti barisan Exco lain yang menjalankan tugas-tugas pentadbiran dalam kerajaan negeri.

"Saya tidak mempunyai bidang kuasa khusus selain dari memegang, portfolio berkenaan. itu sahaja, tapi kalau diberi tugas lain atas kapasiti sedia ada, saya sentiasa bersedia untuk memikulnya," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon yang disiarkan *Utusan Malaysia* hari ini mengenai kesediaan Ketua Menteri itu untuk mengukuhkan bidang kuasa dan tanggungjawab Abdul Rashid sebagai timbalannya dalam usaha membangunkan orang Melayu di negeri itu.

Tsu Koon yang menerima kritikan keras pemimpin UMNO kebelakangan ini bagaimanapun menegaskan, tanggungjawabnya sebagai Ketua Menteri untuk semua kaum di negeri itu tidak akan berubah walaupun berlaku pengukuhan kuasa dan tanggungjawab Abdul Rashid sebagai timbalannya.

**Saya tidak mempunyai bidang kuasa khusus selain dari memegang portfolio berkenaan, itu sahaja, tapi kalau diberi tugas lain atas kapasiti sedia ada, saya sentiasa bersedia untuk memikulnya**

**ABDUL RASHID  
ABDULLAH**  
Timbalan  
Ketua Menteri  
Pulau Pinang

Kenyataan Tsu Koon itu menyusul eko- ran penegasan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mahu Timbalan Presiden Gerakan itu berpegang kepada kenyataannya sebagai Ketua Menteri untuk semua kaum di Pulau Pinang dan bukan hanya sekadar retorik semata-mata.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, sebagai sokongan kepada perjuangan orang Melayu di Pulau Pinang agar tidak terus terpinggir dalam arus pembangunan, pemimpin Melayu harus mencari satu formula untuk memperkasakan kaum Melayu dengan menyusun, semula sistem sedia ada.

Sehubungan itu, Najib menjelaskan, jawatan Timbalan Ketua Menteri yang disandang oleh Abdul Rashid perlu diperkasakan.

Mengulas lanjut, Abdul Rashid berkata, sebagai antara pemimpin di Pulau Mutiara itu, beliau sentiasa bersedia untuk memikul tanggungjawab lebih besar terutama dalam usaha membangunkan masyarakat Melayu yang dikatakan semakin terpinggir di negeri ini.

Sehubungan itu, beliau sentiasa bersedia untuk diberikan tanggungjawab lebih besar atas kapasiti beliau sebagai orang nombor dua dalam jentera pentadbiran kerajaan negeri bagi merencana dan memperkukuhkan proses pembangunan orang Melayu terutama dalam bidang ekonomi.



"Kalau ada ruang, saya akan terima apa sahaja bidang tugas yang diberikan sama ada dari kerajaan negeri atau Kerajaan Pusat sesuai dengan peraturan-peraturan atau prosedur yang ditetapkan," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, setakat ini belum ada sebarang perbincangan antaranya dengan Tsu Koon atau ahli Exco kerajaan negeri mengenai perkembangan terbaru itu.